

# Apa akan berlaku kepada pelatih PLKI-ECRL?

**KUANTAN 23 Ogos** - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) negeri mempersoalkan tentang nasib pelatih Program Latihan Kemahiran Industri Projek Laluan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) apabila kerajaan Pusat membuat keputusan membatalkan projek itu.

Pengerusi GPMS negeri, Wan Emril Nizam Wan Embong berkata, PLKI-ECRL merupakan program berkesan bagi pembangunan modal insan berkemahiran dalam bidang kejuruteraan rel dan pemindahan teknologi tinggi.

"Jadi, apabila projek ECRL dibatalkan, bagaimana masa depan pelatih-pelatih PLKI-ECRL dan peluang kemahiran yang tercipta daripada latihan industri ini?" katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Beijing baru-baru ini yang berkata bahawa, projek ECRL dan Saluran Gas Paip Trans-Sabah (TSGP) yang bernilai berbilion ringgit, dibatalkan.

Mengulas lanjut Wan Emril Nizam yang juga Presiden Maj-

lis Belia Pahang (MBP) berkata, MBP dan GPMS akan menghantar nota timbang tara kepada Perdana Menteri bagi mempertimbangkan pembatalan projek berimpak tinggi berkenaan.

"Mungkin kerajaan boleh pertimbang cara Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) dan tender antarabangsa terbuka daripada membayar pampasan ganti rugi yang tinggi akibat pembatalan projek itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Akademi Industri Rel (RIA) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Fadzil Mat Yahaya berkata, pengambilan pelatih dan program PLKI-ECRL telah ditangguhkan sejak bulan Julai lalu.

Beliau berkata, sehingga Mei lalu, seramai 447 orang pelatih dilatih dan menamatkan latihan menerusi program berkenaan.

"Setakat ini, kita tangguhkan dahulu pengambilan dan tunggu keputusan daripada pihak penaja China Communications Construction (CCCC) dan Malaysia Rail Link (MRL) sama ada diteruskan ataupun tidak.

"Pelatih yang telah menamatkan latihan ditempatkan di CCCC dan MRL," katanya.



**WAN EMRIL NIZAM  
WAN EMBONG**



**FADZIL MAT YAHAYA**